

Praktis PT3 Bahagian A

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Taman Seri Aman sering kecurian. _____, penduduk taman bersepakat untuk mengadakan rondaan pada setiap malam.
A Sungguhpun
B Kemudian
C Walaupun
D Sehubungan itu
2. _____, aktiviti ini boleh bertukar tragedi sekiranya para peserta tidak berhati-hati.
A Keseluruhannya
B Namun begitu
C Sementara itu
D Dengan ini
3. _____ dia gagal dalam ujian itu, namun dia tidak berputus asa. Dia akan terus mencuba.
A Walaupun
B Akhirnya
C Tambahan pula
D Di samping itu
4. _____, faktor kelekaan masyarakat tentang jenayah jalanan turut menjadi punca jenayah ragut.
A Selain itu
B Sementara itu
C Walau bagaimanapun
D Hal ini demikian kerana
5. _____, kemalangan jalan raya ini berlaku akibat kelalaian pengguna jalan raya sendiri.
A Sehubungan itu
B Dalam pada itu
C Kesimpulannya
D Keseluruhannya

Praktis PT3 Bahagian B

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

1. Oleh kerana itu, program kesedaran wajar dilaksanakan di sekolah demi mengatasi masalah ini.

2. Implikasinya, penguatkuasaan undang-undang jalan raya yang lemah juga merupakan antara punca berlakunya kemalangan jalan raya.

3. Hal ini demikian kerana, semua pihak perlulah bekerjasama bagi menangani isu buli di sekolah.

4. Hujan turun sangat lebat. Namun demikian, ayah menanggungkan perjalanan kami ke Kelantan.

5. Mula-mula kami ke perpustakaan yang terletak di Pusat Kejiranan Presint 11. Sementara itu, kami mandi-manda di kolam renang yang terletak di bangunan yang sama.
